



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

**PENGAMBILAN CALON GURU TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAGI LATIHAN PRAPERKHIDMATAN
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP)
KEMASUKAN LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM),
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM),
SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) DAN PROGRAM MATRIKULASI
TAHUN 2025**

A. LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon lepasan SPM tahun 2022, 2023 dan 2024 yang berkelayakan, berpotensi dan berminat untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru, KPM tahun 2025.

A1. LALUAN PERDANA

A1.1 KETERANGAN PROGRAM

- i. Nama Program: **Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)**
- ii. Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- iii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti **program persediaan** PISMP selama satu tahun (tiga semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- iv. Pelajar yang **LULUS** program persediaan PISMP akan diberikan Sijil Tamat program dan ditawarkan mengikuti pengajian PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- v. PISMP akan dilaksanakan secara **mod sepenuh masa**.

A1.2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur **tidak melebihi** 20 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2005.
- iii. Sihat tubuh badan.
- iv. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- v. **LULUS** SPM dengan memperoleh gred **CEMERLANG** dalam mana-mana **lima** mata pelajaran.
- vi. Memperoleh sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** dalam **tiga** mata pelajaran berikut di peringkat SPM:
 - Bahasa Melayu;
 - Bahasa Inggeris; dan
 - Sejarah.
- vii. Memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan (sila rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan secara dalam talian).

A1.3 BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

i. Sekolah Kebangsaan (SK) – 21 Bidang

- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah
- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah Elektif: Pemulihan
- Bahasa Arab Pendidikan Rendah
- Bahasa Cina Pendidikan Rendah
- Bahasa Iban Pendidikan Rendah
- Bimbingan dan Kaunseling
- Matematik Pendidikan Rendah
- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Moral
- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah
- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Moral
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
- Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Kesihatan
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
- Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
- Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
- Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah
- Sains Pendidikan Rendah
- Sejarah Pendidikan Rendah

ii. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) – 19 Bidang

- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah
- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah Elektif: Pemulihan
- Bahasa Cina
- Bimbingan dan Kaunseling
- Matematik Pendidikan Rendah
- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Moral
- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah
- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Moral
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
- Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Kesihatan
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
- Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
- Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
- Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah
- Sains Pendidikan Rendah
- Sejarah Pendidikan Rendah

iii. **Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) – 17 Bidang**

- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah
- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah Elektif: Pemulihan
- Bahasa Tamil Pendidikan Rendah
- Bimbingan dan Kaunseling
- Matematik Pendidikan Rendah
- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Moral
- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah
- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Moral
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
- Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Kesihatan
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
- Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah
- Sains Pendidikan Rendah
- Sejarah Pendidikan Rendah

iv. **Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) – 14 Bidang**

- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah
- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah Elektif: Pemulihan
- Bimbingan dan Kaunseling
- Matematik Pendidikan Rendah
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah
- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
- Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Kesihatan
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
- Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
- Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah
- Sains Pendidikan Rendah
- Sejarah Pendidikan Rendah

A2. LALUAN KHAS

A2.1 MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK)

A2.1.1 KETERANGAN PROGRAM

- i. Nama Program: **Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)**
- ii. Program ini dikhususkan untuk calon Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) bagi mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam bidang pengkhususan tertentu bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- iii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti **program persediaan** PISMP selama satu tahun (tiga semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- iv. Pelajar yang **LULUS** program persediaan PISMP akan diberikan Sijil Tamat program dan ditawarkan mengikuti pengajian PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- v. PISMP akan dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

A2.1.2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur tidak melebihi 22 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2003.
- iii. Sihat tubuh badan (tidak termasuk konteks ketidakupayaan dan tertakluk kepada pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bil.2/2017).
- iv. Boleh mengurus diri sendiri.
- v. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- vi. Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- vii. **LULUS** SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** dalam mana-mana enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
- viii. Memperoleh sekurang-kurangnya gred **LULUS** dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM.
- ix. Memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan (sila rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan secara dalam talian).

A2.1.3 BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

Sekolah Kebangsaan (SK)/ Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)/ Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah
- Bimbingan dan Kaunseling
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
- Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah

A2.2 MURID ORANG ASLI DAN PERIBUMI PENAN

A2.2.1 KETERANGAN PROGRAM

- i. Nama Program: **Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)**
- ii. Program ini dikhususkan untuk calon murid Orang Asli dan Peribumi Penan bagi mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam bidang pengkhususan tertentu bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- iii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti **program persediaan** PISMP selama satu tahun (tiga semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- iv. Pelajar yang **LULUS** program persediaan PISMP akan diberikan Sijil Tamat program dan ditawarkan mengikuti pengajian PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- v. PISMP akan dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

A2.2.2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur **tidak melebihi** 20 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2005.
- iii. Sihat tubuh badan.
- iv. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- v. **LULUS** SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** dalam mana-mana **enam** mata pelajaran di peringkat SPM termasuk:
 - Bahasa Melayu;
 - Bahasa Inggeris; dan
- vi. Memperoleh sekurang-kurangnya gred **LULUS** dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM.

A2.2.3 BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

- i. **Murid Orang Asli**
 - Bahasa Melayu Pendidikan Rendah (SK)
 - Bimbingan dan Kaunseling (SK)
- ii. **Peribumi Penan**
 - Bahasa Melayu Pendidikan Rendah (SK)

A2.3 ATLET MURID SEKOLAH SUKAN MALAYSIA DAN MURID SEKOLAH SENI MALAYSIA

A2.3.1 KETERANGAN PROGRAM

- i. Nama Program: **Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)**
- ii. Program ini dikhususkan untuk calon atlet murid Sekolah Sukan Malaysia dan Sekolah Seni Malaysia bagi mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam bidang pengkhususan tertentu bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- iii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti **program persediaan** PISMP selama satu tahun (tiga semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- iv. Pelajar yang **LULUS** program persediaan PISMP akan diberikan Sijil Tamat program dan ditawarkan mengikuti pengajian PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- v. PISMP akan dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

A2.3.2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2005.
- iii. Sihat tubuh badan.
- iv. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- v. **LULUS** SPM dengan memperolehi sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** dalam mana-mana enam mata pelajaran di peringkat SPM termasuk:
 - Bahasa Melayu; dan
 - Bahasa Inggeris;
- vi. Memperoleh sekurang-kurangnya gred **LULUS** dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM.
- vii. Memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan (sila rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan secara dalam talian).

A2.3.3 BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

- i. **Atlet Murid Sekolah Sukan Malaysia**
 - Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Kesihatan (SK)
- ii. **Murid Sekolah Seni Malaysia**
 - Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah (SK)
 - Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah (SK)

A2.4 BAHASA KADAZANDUSUN

A2.4.1 KETERANGAN PROGRAM

- i. Nama Program: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)
- ii. Program ini dikhususkan untuk calon murid cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di peringkat SPM bagi mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam bidang pengkhususan Bahasa Kadazandusun bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- iii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti program persediaan PISMP selama satu tahun (tiga semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- iv. Pelajar yang **LULUS** program persediaan PISMP akan diberikan Sijil Tamat program dan ditawarkan mengikuti pengajian PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- v. PISMP akan dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

A2.4.2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2005.
- iii. Sihat tubuh badan.
- iv. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- v. **LULUS** SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya enam **KEPUJIAN** dalam mana-mana mata pelajaran termasuk:
 - Bahasa Melayu;
 - Bahasa Inggeris; dan
 - Sejarah
- vi. Memperoleh gred **CEMERLANG** dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di peringkat SPM.

A2.4.3 BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

Murid Cemerlang Mata Pelajaran Bahasa Kadazandusun

- Bahasa Kadazandusun Pendidikan Rendah (SK)

A2.5 LULUSAN SPM YANG MENGIKUTI KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ (KBT)

A2.5.1 KETERANGAN PROGRAM

- vi. Nama Program: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)
- vii. Program ini dikhususkan kepada calon lulusan SPM yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) untuk ditawarkan pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam bidang pengkhususan tertentu bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- viii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti program persediaan PISMP selama satu tahun (tiga semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- ix. Pelajar yang **LULUS** program persediaan PISMP akan diberikan Sijil Tamat program dan ditawarkan mengikuti pengajian PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- x. PISMP akan dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

A2.5.2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- vii. Warganegara Malaysia.
- viii. Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2005.
- ix. Sihat tubuh badan.
- x. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- xi. **LULUS** SPM dengan memperoleh gred **cemerlang** dalam mana-mana lima mata pelajaran.
- xii. Memperoleh sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** dalam mata pelajaran seperti berikut:
 - Bahasa Melayu;
 - Bahasa Inggeris; dan
 - Sejarah
- xiii. Memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan.
- xiv. Memiliki Sijil Tahfiz KPM atau memperoleh pernyataan keputusan prestasi hafazan daripada KPM sekurang-kurangnya 15 juzuk al-Quran.

A2.5.3 BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah (SK)
- Bimbingan dan Kaunseling (SK)
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah (SK)
- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL) (SK)
- Matematik (SK)
- Sains (SK)

A3. AMBILAN KHAS

A3.1 LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) YANG MEMILIKI SIJIL MENENGAH AGAMA (SMA) ATAU SIJIL MENENGAH UGAMA (SMU) DAN LEPASAN SIJIL *UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE* (UEC)

A3.1.1 KETERANGAN PROGRAM

- i. Nama Program: **Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)**
- ii. Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam bidang pengkhususan tertentu bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- iii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti **program persediaan PISMP** selama satu tahun (tiga semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- iv. Pelajar yang **LULUS** program persediaan PISMP akan diberikan Sijil Tamat program dan ditawarkan mengikuti pengajian PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- v. PISMP akan dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

A3.1.2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur tidak melebihi 20 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2005.
- iii. Sihat tubuh badan.
- iv. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- v. **LULUS** SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya enam **KEPUJIAN** dalam mana-mana mata pelajaran termasuk:
 - Bahasa Melayu; dan
 - Bahasa Inggeris
- vi. Memperoleh sekurang-kurangnya gred **LULUS** dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM.
- vii. Calon lepasan SMA atau SMU mesti memiliki sekurang-kurangnya **tiga** gred **KEPUJIAN** dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat **SMA** atau **SMU**.
- viii. Calon lepasan UEC mesti memiliki sekurang-kurangnya **tiga** gred **KEPUJIAN** dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat **Sijil Senior Middle Level (UEC-SML)**.

A3.1.3 BIDANG PENGKhususan YANG DITAWARKAN

- i. **Lepasan SPM yang memiliki SMA/SMU**
 - Pendidikan Islam Pendidikan Rendah (SK)
- ii. **Lepasan UEC yang memiliki UEC**
 - Bahasa Cina Pendidikan Rendah (SJKC)

B. LEPASAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon lepasan **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** tahun 2023 dan 2024 yang berkelayakan, berpotensi dan berminat untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tahun 2025.

B1 KETERANGAN PROGRAM

- i. Nama Program: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)
- ii. Program ini dikhususkan untuk lepasan STAM bagi mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam pelbagai bidang bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- iii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- iv. Pelajar wajib mengambil kursus tambahan yang ditetapkan bagi melengkapkan jurang ilmu/kemahiran yang diperlukan semasa mengikuti PISMP.
- v. PISMP dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

B2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur tidak melebihi 22 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2003.
- iii. Sihat tubuh badan.
- iv. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- v. **LULUS** SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM. Kepujian Bahasa Melayu Kertas Julai boleh diambil kira.
- vi. Memperoleh sekurang-kurangnya gred **LULUS** dalam mata pelajaran berikut di peringkat SPM;
 - Bahasa Inggeris; dan
 - Sejarah
- vii. **LULUS** STAM dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred **JAYYID JIDDAN**.
- viii. Memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan (sila rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan secara dalam talian).

B3 BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah (SK)
- Bimbingan dan Kaunseling (SK)

C. LEPASAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon lepasan **Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)** 2023 dan 2024 yang berkecenderungan, berpotensi dan berminat untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tahun 2025.

C1 KETERANGAN PROGRAM

- i. Nama Program: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).
- ii. Program ini dikhususkan untuk lepasan STPM bagi mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- iii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- iv. Pelajar wajib mengambil kursus tambahan yang ditetapkan bagi melengkapkan jurang ilmu/kemahiran yang diperlukan semasa mengikuti PISMP.
- v. PISMP dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

C2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur tidak melebihi 22 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2003.
- iii. Sihat tubuh badan.
- iv. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- v. **LULUS** SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM. Kepujian Bahasa Melayu Kertas Julai boleh diambil kira.
- vi. Memperoleh sekurang-kurangnya gred **LULUS** dalam mata pelajaran berikut di peringkat SPM;
 - Bahasa Inggeris; dan
 - Sejarah
- vii. **LULUS** STPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK 3.5**.
- viii. Memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan (sila rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan secara dalam talian).

C3 BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

- Bahasa Melayu Pendidikan Rendah (SK, SJKC, SJKT)
- Bahasa Cina Pendidikan Rendah (SJKC)
- Bahasa Tamil Pendidikan Rendah (SJKT)
- Bimbingan dan Kaunseling (SK, SJKC)
- Matematik Pendidikan Rendah (SK, SJKC)
- Pendidikan Islam Pendidikan Rendah (SK)
- Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah (SK, SJKC)
- Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah (SK, SJKC)
- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL) (SK, SJKC)
- Sejarah Pendidikan Rendah (SK, SJKC)

D. LEPASAN PROGRAM MATRIKULASI

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon lepasan **Program Matrikulasi** sesi 2023/2024 dan 2024/2025 yang berkeelayakan, berpotensi dan berminat untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tahun 2025.

D1 KETERANGAN PROGRAM

- i. Nama Program: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).
- ii. Program ini dikhususkan untuk lepasan program Matrikulasi bagi mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah KPM.
- iii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian dikehendaki mengikuti PISMP selama empat tahun (12 semester) di IPG yang ditetapkan oleh KPM.
- iv. Pelajar wajib mengambil kursus tambahan yang ditetapkan bagi melengkapkan jurang ilmu/kemahiran yang diperlukan semasa mengikuti PISMP.
- v. PISMP dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

D2 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur tidak melebihi 22 tahun pada 30 Jun 2025 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2003.
- iii. Sihat tubuh badan.
- iv. Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- v. **LULUS** SPM dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM. Kepujian Bahasa Melayu Kertas Julai boleh diambil kira.
- vi. Memperoleh sekurang-kurangnya gred **LULUS** dalam mata pelajaran berikut di peringkat SPM;
 - Bahasa Inggeris
 - Sejarah
- vii. **LULUS** program Matrikulasi dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK 3.5**.
- viii. Memenuhi syarat bidang pengkhususan yang ditetapkan (sila rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan secara dalam talian).

D3 BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

- Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL) (SK)
- Bimbingan dan Kaunseling (SK)
- Matematik Pendidikan Rendah (SK)

CALON TIDAK LAYAK MEMOHON

1. Pemohon yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di mana-mana institusi pendidikan dalam dan luar negara.
2. Pemohon yang dikenakan tindakan tatatertib atau sedang dalam proses tindakan tatatertib semasa dalam perkhidmatan awam atau latihan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan.
3. Pemohon yang pernah mengikuti program ikhtisas di IPG, tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan pengajian.
4. Pemohon yang pernah atau sedang disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah atau tindakan mahkamah.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari laman sesawang KPM di alamat : <https://pismp.moe.gov.my> mulai **24 Februari 2025**.
2. Lulusan SPM Tahun 2024 layak memohon dan boleh mengemaskini bidang permohonan selepas keputusan SPM diumumkan. Sila rujuk tarikh-tarikh penting yang disediakan.
3. Lulusan STPM tahun 2024 layak memohon dan boleh mengemaskini bidang permohonan selepas keputusan Semester 3 diumumkan.
4. Lulusan STAM tahun 2024 layak memohon dan boleh mengemaskini bidang permohonan selepas keputusan akhir pengajian diumumkan.
5. Lulusan Program Matrikulasi sesi 2024/2025 layak memohon dan boleh mengemaskini bidang permohonan selepas keputusan Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) diumumkan.
6. Pemohon dinasihatkan melayari laman sesawang : <https://pismp.moe.gov.my> bagi mendapatkan maklumat iklan, Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG), temu duga, Ujian Kecergasan Fizikal (UKF), syarat bidang pengkhususan serta tarikh-tarikh penting pengambilan sebelum membuat permohonan.
7. Pemohon dibenarkan mengemukakan **SATU** permohonan sahaja dan boleh mengemaskini permohonan pada tarikh yang telah ditetapkan sebelum tarikh permohonan ditutup.
8. Pemohon perlu membuat **pengesahan** permohonan dan **dihantar** sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang berjaya dihantar akan menerima **nombor rujukan** permohonan.
9. Maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Pemohon perlu menyemak tarikh-tarikh penting pengambilan PISMP ambilan tahun 2025. Walau bagaimanapun, KPM berhak meminda sebarang aktiviti dan tarikh mengikut keperluan semasa.
2. Calon mestilah menjalani saringan dan lulus e-UKCG sebelum dipanggil temu duga dan UKF.
3. IPGM berhak menawarkan bidang pengkhususan yang berlainan dengan bidang yang dimohon mengikut keperluan KPM.
4. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian hendaklah bersetuju dan patuh dengan terma-terma dalam surat tawaran dan Perjanjian Pendidikan Guru KPM serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERINGATAN

Pemohon yang didapati memberi maklumat salah/ tidak benar/ manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]. Maklumat permohonan ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian dari semasa ke semasa.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 16 MAC 2025 (11.59 MALAM)

Sila hubungi alamat berikut sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan:

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1-3, BLOK 2250 JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**
(u.p: Jabatan Pengambilan dan Penempatan, Pusat Hal Ehwal Pelajar)

**No. Telefon : 03-8312 6733/ 6760/ 6723/ 6720/6768/ 6693
(Masa : 8:00 pagi hingga 5:00 petang)**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

**TARIKH-TARIKH PENTING PENGAMBILAN CALON GURU TAJAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) DAN
PROGRAM PELAJAR CEMERLANG (PPC) KE LUAR NEGARA
TAHUN 2025**

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Iklan dikeluarkan	23 Feb – 16 Mac 2025
2	Permohonan dalam talian	24 Feb – 16 Mac 2025
3	Semakan tarikh calon layak e-UKCG	18 – 21 Mac 2025
4	Pelaksanaan Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG) secara dalam talian	<ul style="list-style-type: none">• 24 – 28 Mac &• 7 – 11 April
5	Kemaskini bidang permohonan PISMP	5 - 7 Mei 2025
6	Semakan keputusan e-UKCG, calon layak Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) dan Temu duga	14 Mei 2025
7	Pelaksanaan UKF dan Temu duga	<ul style="list-style-type: none">• 19 – 23 Mei 2025• 26 – 30 Mei 2025• 3 - 4 Jun 2025
8	Semakan keputusan calon jaya (Lepasan SPM)	19 Jun 2025
9	Semakan keputusan calon jaya (Lepasan STPM, STAM dan Matrikulasi)	28 Julai 2025
10	Pendaftaran pelajar baharu ke IPG	11 Ogos 2025

* Tarikh dan aktiviti tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

* Penetapan tarikh e-UKCG, UKF dan temu duga adalah muktamad.

* Calon perlu membuat semakan bagi setiap keputusan bagi saringan UKCG, UKF, temu duga dan keputusan tawaran di pautan <https://pismmp.moe.gov.my>